

# PIUMS laksana persijilan umum

► Babitkan kakitangan, pelajar UMS dan masyarakat

UB 14.8.2019 B2  
Oleh Yap Siong Han


**P**USAT Islam Universiti Malaysia Sabah (PIUMS) akan melaksanakan program persijilan umum kepada kakitangan UMS, pelajar dan masyarakat Islam di sekitar universiti berkenaan.

Pengarah PIUMS Dr Sarip Adul berkata, walaupun program itu dikhususkan kepada warga UMS tetapi pihaknya juga bercadang untuk meluaskan kepada masyarakat umum di sekitarnya.

“Persijilan umum ini adalah bertujuan untuk menyediakan ilmu sepanjang hayat kepada masyarakat kita, sijil itu terdiri daripada Sijil Pengajian Islam untuk beberapa siri, Sijil Pengurusan Masjid dan banyak lagi.

“Kini PIUMS juga sudah mempunyai bangunan sendiri yang mana sebelum ini pejabat ini terletak di kawasan Masjid UMS,” katanya ketika ditemui selepas Majlis Ibadah Korban dan Akikah UMS, di sini semalam.

Beliau berkata, pejabat baharu itu nanti akan membolehkan PIUMS memperbanyakkan lagi program-program berbentuk keilmuan kepada



**TAKLIMAT:** Sarip menyampaikan taklimat pada majlis itu.

para warga UMS walaupun kini sudah mempunyai program seumpamanya dengan kerjasama jabatan berkaitan.

Sementara itu, Sarip berkata sebanyak 10 ekor lembu telah disumbangkan oleh pihak UMS, PIUMS dan Ketua Menteri untuk program berkenaan.

“Dua daripada lembu itu sudah disembelih pada hari pertama dan disumbangkan kepada mereka yang berada di sekitar Kota Marudu.

“Hari ini kita sembelih tujuh ekor,

sekor lagi sudah disembelih pada sehari sebelum hari raya ini kerana ia menjadi tradisi kami untuk jamuan ibadah korban setiap tahun di sini,” katanya.

Menurutnya, daging itu nanti akan disumbangkan kepada masyarakat yang susah dalam dan luar UMS.

“Kita berharap daging ini dapat diagihkan kepada kakitangan UMS yang layak serta golongan yang memerlukan di luar dari universiti ini,” katanya.



**AGIH:** Kakitangan UMS sedang melapah daging lembu untuk diagihkan.